

Link: <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2024/11/1325585/teliti-kewangan-sebelum-pilih-polisi-bayaran-bersama-insurans>

**Berita Harian Online**  
**18 November 2024**

## 'Teliti kewangan sebelum pilih polisi bayaran bersama insurans, takaful'

Oleh Mahanum Abdul Aziz - November 18, 2024 @ 5:21pm  
[mahanum\\_aziz@bh.com.my](mailto:mahanum_aziz@bh.com.my)



Presiden/Ketua Negara Sun Life Malaysia, Raymond Lew.

KUALA LUMPUR: Pengguna produk insurans dan takaful perubatan dan kesihatan (MHIT) dinasihatkan menilai keadaan dan keperluan kewangan mereka sebelum memilih polisi pembayaran bersama.

Presiden/Ketua Negara Sun Life Malaysia, Raymond Lew, berkata dengan menilai kedudukan kewangan membolehkan pengguna mengetahui jenis polisi yang sesuai dengan gaya hidup mereka.

Beliau berkata, pengguna juga harus mengetahui perbezaan antara memilih pembayaran bersama dan produk MHIT biasa yang disesuaikan dengan kestabilan kewangan mereka.

"Pembayaran bersama menawarkan premium/caruman yang lebih rendah kerana pemilik polisi/pemegang kontrak berkongsi kos perkhidmatan perubatan.

"Dalam jangka panjang, ini boleh memberi manfaat dengan memastikan rancangan mereka kekal mampan," katanya kepada BH.

Mengulas lanjut, Lew berkata, pembayaran bersama membantu menurunkan premium atau sumbangan, sekali gus membolehkan pemegang polisi atau pemilik kontrak menjimatkan kos.

Walau bagaimanapun, katanya, bagi segmen berpendapatan rendah atau warga tua, kemampuan masih boleh menjadi satu cabaran memandangkan mereka mungkin berdepan kesulitan menampung jumlah pembayaran bersama.

Beliau berkata, bagi pengguna yang memilih pembayaran bersama yang lebih tinggi, ia mengurangkan jumlah premium/caruman yang membawa kepada penjimatan kos bagi pemilik polisi/pemegang kontrak.

Malah, jelasnya, ia juga membolehkan pengguna menyesuaikan premium/caruman berdasarkan keperluan kewangan mereka.

"Sebaliknya, pemilik polisi/pemegang kontrak yang memerlukan rawatan perubatan yang kerap mungkin melihat peningkatan dalam pembayaran.

"Justeru, pendidikan kepada pengguna mengenai pembayaran bersama adalah penting pada masa ini sementara produk itu masih baharu dalam pasaran," katanya.

Berkuat kuasa 1 September 2024, penanggung insurans dan pengendali takaful (ITO) di negara ini dikehendaki menawarkan pilihan kepada pengguna untuk membeli produk MHIT yang mempunyai ciri-ciri pembayaran bersama.

Bagaimanapun, pengguna yang telah membeli produk MHIT tanpa ciri-ciri pembayaran bersama boleh mengekalkan produk MHIT sedia ada mereka dan ITO juga boleh terus menawarkan produk MHIT tanpa ciri-ciri pembayaran bersama kepada pengguna baharu.

ITO juga dikehendaki Bank Negara Malaysia (BNM) menawarkan pelbagai tahap pembayaran bersama yang memenuhi keperluan kewangan dan situasi pengguna, tertakluk pada had maksimum yang ditetapkan oleh ITO bagi mengehadkan jumlah perbelanjaan yang ditanggung oleh pemilik polisi atau peserta takaful.